LEMBAGA PELABUHAN JOHOR
NO. 4A1-8A1, PUSAT PERDAGANGAN PASIR GUDANG, JALAN BANDAR,
81700 PASIR GUDANG, JOHOR DARUL TA'ZIM.

ISO 9001 : 2008
KLR 0403621

13

Fail : LPJ/IP/OP/24

Tarikh : 19 Disember 2013

Kepada : Pemilik-Pemilik Jeti Persendirian

**PEKELILING PELABUHAN NO : BIL. 15/03/2013**

**PORT CIRCULAR NO : BIL. 15/03/2013**

## KEPERLUAN MEMILIKI LESEN JETI PERSENDIRIAN DI DALAM HAD PERAIRAN PELABUHAN PASIR GUDANG DAN PELABUHAN TANJUNG PELEPAS

1. Adalah dimaklumkan bahawa, di bawah **Seksyen 22 (1)**, **Akta Lembaga Pelabuhan 1963,** apa jua cadangan pembangunan jeti persendirian di dalam lingkungan had perairan Pelabuhan Pasir Gudang dan Pelabuhan Tanjung Pelepas perlulah mendapat kebenaran pihak Lembaga Pelabuhan Johor.

2. Pihak-pihak yang terlibat juga perlu memiliki Lesen Jeti Persendirian yang sah yang dikeluarkan oleh pihak Lembaga Pelabuhan seperti dinyatakan dalam **Seksyen 3 (2)(v),** dalam akta yang sama.

3. Sehubungan dengan itu, semua pihak-pihak yang terlibat dikehendaki memastikan apa jua pembangunan jeti telah mendapat kelulusan dan jeti yang dimiliki telah mempunyai lesen yang sah yang dikeluarkan oleh pihak Lembaga Pelabuhan sebelum beroperasi. Permohonan atau pembaharuan lesen bolehlah dibuat melalui Unit Marin, Lembaga Pelabuhan Johor. Maklumat seperti borang permohonan, senarai semak boleh diperolehi melalui laman sesawang www.lpj.gov.my. Carta aliran permohonan lesen dan senarai semak permohonan adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

GOE-EGDMS
TERIMA
11 FEB 2014
BHGN. OPERASI & KAWAL SELIA
NO. SIRI: 144961
NO. FAIL:
NO. DOK: LPJ/IP/OPS/24 Jld 2 (13)

IBU PEJABAT (PASIR GUDANG) : 07-253 4000 (TEL.) 07-251 7684 (FAKS)
PEJABAT PERHUBUNGAN LPJ (TG. PELEPAS) : 07-507 1978 (TEL.) 07-507 1976 (FAKS)
TERMINAL FERI CHANGI, SINGAPURA : 02-6545 3230 (TEL.) 02-6545 3231 (FAKS)
LAMAN WEB : http://www.lpj.gov.my
e-mail: admin@lpj.gov.my

4. Serahan dokumen yang telah lengkap boleh dilakukan melalui kiriman pos atau serahan tangan kepada **PENGURUS BESAR LEMBAGA PELABUHAN JOHOR** beralamat di **NO.4A1-8A1, PUSAT PERDAGANGAN PASIR GUDANG, JALAN BANDAR, 81700 PASIR GUDANG, JOHOR.**

5. Adalah ditegaskan bahawa, kegagalan mana-mana pihak mematuhi arahan ini boleh dikenakan tindakan undang-undang dan jika disabitkan kesalahan boleh dikenakan tindakan di bawah Seksyen 22(2), Akta Lembaga Pelabuhan 1963, iaitu denda tidak lebih daripada RM 2,000.00 (Ringgit Malaysia : Dua Ribu Sahaja) atau boleh dikenakan tindakan kompaun di bawah Perintah Lembaga Pelabuhan Johor (Pengkompaun Kesalahan-Kesalahan) 1998 dalam akta yang sama.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**
**"PROFESIONALISME MEMANTAPKAN PERKHIDMATAN"**

Saya yang menurut perintah,

**(MUHAMMAD RAZIF BIN AHMAD)**
**Pengurus Besar**
**Lembaga Pelabuhan Johor**

LAMPIRAN A

## CARTA ALIRAN PERMOHONAN BARU DAN MEMPERBAHARUI LESEN



LAMPIRAN A1 (SENARAI SEMAK)

LEMBAGA PELABUHAN JOHOR

# LEMBAGA PELABUHAN JOHOR

## SENARAI SEMAK BAGI PERMOHONAN BARU / MEMPERBAHARUI LESEN AKTIVITI JETI PERSENDIRIAN DI DALAM HAD PELABUHAN JOHOR

NAMA PEMILIK JETI :
JENIS PERMOHONAN : ☐ BARU ☐ MEMPERBAHARUI
HAD PERAIRAN : ☐ PASIR GUDANG ☐ TANJUNG PELEPAS

| BIL | SYARAT-SYARAT | AGENSI | UNTUK KEGUNAAN PEJABAT | |
|---|---|---|---|---|
| | | | ADA | TIADA |
| 1 | Surat **TIADA HALANGAN/SOKONGAN** dari jabatan kerajaan : | | | |
| | ( a) KASTAM <u>dan</u> senarai jenis kargo yang diisytiharkan untuk dilesenkan beroperasi<br>No. Rujukan: Tempoh sehingga: | Kastam DiRaja Malaysia | | |
| | (b) JABATAN LAUT WILAYAH SELATAN<br>No.Rujukan: Tempoh sehingga: | Jabatan Laut Wilayah Selatan | | |
| | (c) JABATAN IMIGRESEN (bagi jeti penumpang)<br>No.Rujukan: Tempoh sehingga: | Jabatan Imigresen | | |
| 2 | (a) Salinan Lesen Pendudukan Sementara (LPS)<br>No.Rujukan: Tempoh sehingga: | Pejabat Tanah | | |
| | (b) Salinan Lesen Akta Air 1920 *(Water Act 1920) (jika berkaitan)*<br>No Rujukan : Tempoh sehingga: | Pejabat Tanah | | |
| 4 | Salinan Sijil Pendaftaran Syarikat/Perniagaan (Akta Syarikat 1965) **ATAU** Undang-Undang Tubuh / Memorandum Syarikat *Memorandum Of Association ( MOA ) & Articles Of Association (AOA )*<br>No.Rujukan : Tarikh : | SSM | | |
| 5 | **Traders Ledger Account* (TLA)/*Bank Guarantee* <u>atau</u> Deposit Tunai atas nama **LEMBAGA PELABUHAN JOHOR** yang masih belum luput sah laku.<br>(BG perlulah diperbaharui sebelum tarikh luput BG).<br>No.Rujukan: Tarikh : | Unit Kewangan, Lembaga Pelabuhan Johor | | |
| 6 | *Throughput/Wharfage* jeti persendirian telah dijelaskan dan disahkan oleh Unit Trafik (pengesahan "Statement of Account") | Unit Operasi dan Trafik, Lembaga Pelabuhan Johor | | |
| 7 | Salinan pelan jeti /kawasan sekeliling **DAN** koordinat jeti *(latitude; longitude -carta laut WGS84)*<br>No Rujukan : Koordinat : Garisan Lintang :<br>Garisan Bujur : | | | |
| 8 | **Bathymetric Survey Report*<br>No. Rujukan : Tahun: | | | |
| 9 | **Environmental Impact Assessment Report* (EIA/DEIA)<br>No. Rujukan : Tempoh sehingga: | Jabatan Alam Sekitar | | |
| 10 | **Marine Risk Assessment Report* (MRA)<br>No. Rujukan : Tahun: | | | |
| 11 | **Ship Simulation Study Report*<br>No. Rujukan : Tahun: | | | |

**Peringatan** : Sila pastikan segala dokumen disemak sebelum dihantar dan masih di dalam tempoh sah lakunya.
Permohonan akan diproses sekiranya dokumen lengkap

*(*) Sekiranya dikehendaki oleh pihak Lembaga Pelabuhan Johor*

TARIKH :

DISEDIAKAN OLEH :